

PM mahu rakyat teruskan kerjasama perkukuh perpaduan

Oleh MOHD. KAMIL YUSUFF

UM 26 MAR 2001

KUALA LUMPUR 25 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam dan bukan Islam di negara ini terus bekerjasama bagi menjamin dan memperkukuhkan perpaduan yang dijalin oleh pengasas-pengasas Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, orang Islam tidak harus sengaja bermusuhan dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka.

“Sebarang berita yang tidak berasas dengan tujuan menimbulkan kemarahan orang Islam kerana kononnya ramai orang

Islam telah dibinasa dan dibunuh bukanlah caranya untuk melindungi orang Islam,” ujarnya.

Menurutnya, jika ada orang Islam yang diserang kerana perkelahian dengan bukan Islam, orang Islam tidak harus bertindak menganas terhadap kaum lain.

“Kes-kes seperti itu perlu dilaporkan kepada polis,” katanya dalam perutusan sempena sambutan Maal Hijrah 1422.

Dalam pada itu, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dalam perutusannya sempena tahun baru masyarakat Telugu ‘Ugadi’ yang juga jatuh esok

turut menekankan mengenai perlunya persefahaman di kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Terpengaruh

Beliau menyeru masyarakat India supaya tidak terpengaruh dengan khabar-khabar angin yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan tujuan untuk menimbulkan huru-hara.

Kedua-dua pemimpin itu berkata demikian merujuk kepada pergaduhan kaum antara dua kumpulan penduduk di Taman Desaria dan kawasan sekitarnya di Jalan Klang Lama pada 8

Mac yang menyaksikan enam orang terbunuh dan lebih 40 orang cedera.

Dr. Mahathir berkata, jika orang Islam mengambil tindakan dengan sewenang-wenangnya, maka perkara yang kecil akan menjadi masalah yang besar dan sukar dikawal.

“Ramai yang tidak berdosa akan diserang atau dibunuh. Akhirnya tidak ada apa-apa yang diperolehi oleh mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata, baru-baru ini khabar angin telah tersebar dengan luasnya selcasp

■ Lihat muka 4

PM mahu rakyat teruskan kerjasama perkukuh perpaduan

perkelahian kecil berlaku kononnya ramai orang Islam telah dibunuh.

“Berita ini tidak benar sama sekali,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata seperti yang dijangka, orang yang tidak ada kena mengena dengan perkelahian asal telah diserang, diceredakan dan dibunuh, kerap kali di tempat yang

jauh daripada tempat tercetusnya pergaduhan.

“Semua ini memburukkan agama Islam. Orang Islam sepatutnya tidak bertindak di luar batas undang-undang.

“Perbuatan yang sedemikian tidak menyumbang kepada kebaikan dan pembangunan agama Islam dan

negara Islam. Ia bukanlah satu hijrah ke arah kebaikan,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, ia hanya menunjukkan umat Islam mahu kembali kepada cara-cara jahiliah dengan sesuatu kumpulan bertindak kerana fanatik kepada kaum mereka tanpa mengambil kira baik buruk apa yang dilakukan oleh kaum berkenaan.